Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia
(MAQIS)

PEMBERITAHUAN

Ruj. Kami : MAQIS.600-3/1/2 Jld 37 (69)
Tarikh : 13 November 2026

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

NOTIFIKASI KELULUSAN PAS TRANSIT KOMODITI HASILAN HAIWAN DARI *AUTO APPROVED* KEPADA MANUAL BAGI PERGERAKAN KE THAILAND SAHAJA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa surat Jabatan terdahulu melalui rujukan MAQIS.600-3/1/2 Jld. 36 (74) bertarikh 21 Oktober 2026 mengenai kelulusan Pas Transit hasilan haiwan adalah terbatal. Sehubungan dengan itu, pemakluman melalui surat ini adalah bertujuan menggantikan ketetapan terdahulu berhubung kaedah permohonan dan kelulusan Pas Transit bagi komoditi hasilan haiwan.

3. Untuk makluman, Jabatan telah membuat penambahbaikan di dalam sistem ePermit melibatkan proses permohonan dan kelulusan Pas Transit bagi komoditi hasilan haiwan yang melalui Malaysia secara transit menggunakan jalan darat. Pelaksanaan ini bertujuan memperkukuh mekanisme kawalan pergerakan transit serta memastikan pematuhan terhadap syarat dan ketetapan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negara destinasi.

4. Sehubungan dengan itu, **berkuat kuasa mulai 5 Januari 2027**, permohonan Pas Transit bagi komoditi hasilan haiwan yang melibatkan **pergerakan ke Thailand melalui jalan darat Malaysia** hendaklah melalui proses kelulusan secara manual oleh Jabatan ini. Walau bagaimanapun, permohonan Pas Transit bagi komoditi hasilan haiwan ke lain - lain negara akan kekal diproses secara *auto-approved* melalui sistem ePermit seperti kaedah sedia ada dan ini juga terpakai untuk komoditi hasilan tumbuhan dan hasilan ikan.

Ruj. Kami : MAQIS.600-3/1/2 Jld 37 (69)
Tarikh : 18 November 2026

5. Permohonan Pas Transit bagi komoditi hasilan haiwan untuk pergerakan transit ke Thailand melalui jalan darat Malaysia masih perlu di mohon melalui sistem ePermit, (https://newepermit.dagangnet.com.my) dan permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan surat kelulusan rasmi daripada *Department of Livestock Development* (DLD) serta salinan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) yang dikeluarkan oleh negara asal. Dokumen berkenaan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan (BPP), Ibu Pejabat MAQIS, Putrajaya melalui e-mel bpp@maqis.gov.my untuk tujuan semakan dan pertimbangan sebelum permohonan Pas Transit diluluskan.

6. Untuk makluman jua, permohonan Pas Transit yang diproses secara manual hanya akan diproses pada **hari bekerja, tidak termasuk hujung minggu dan cuti umum**. Sehubungan itu, pihak tuan/puan dimohon untuk mengemukakan permohonan lebih awal serta merancang pergerakan transit dengan sewajarnya bagi memastikan urusan transit dapat dilaksanakan dengan lancar.

7. Justeru itu, semua pihak yang terlibat dalam aktiviti transit komoditi berkenaan hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat import dan ketetapan yang berkuat kuasa sebagaimana ditetapkan oleh pihak DLD bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Bersama-sama ini dilampirkan **Protokol Import** berkaitan untuk perhatian dan tindakan pihak yang berkenaan.

Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

PENGUATKUASAAN BERINTEGRITI

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMAD SHAFFIE BIN HASSAN)
Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan, MAQIS

s.k.:
i. Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia, JKDM
ii. Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, DVS
iii. Ketua Pengarah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia, AKPS
iv. Timbalan Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan, MAQIS
v. Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan, MAQIS
vi. Pengarah Bahagian Import Eksport dan Data, MAQIS